

Pasaran daging anjing Filipina RM41.22 juta

Manila Kira-kira 290,000 anjing dibunuh dan dimakan setiap tahun, manakala dagangan daging anjing mencecah 174 juta peso (RM41.22 juta) setiap tahun dan restoran yang mengkhusus dalam menyediakan makanan itu semakin berkembang dengan bantuan pemimpin kerajaan tempatan.

Keadaan ini menyebabkan penguasa undang-undang daripada melaksanakan undang-undang larangan memakan daging anjing 14 tahun negara itu, kata akhbar tempatan.

Walaupun dengan kejayaan kerap serbuhan ke atas rumah sembelihan rahsia yang memperdagangkan daging anjing dan walaupun kehadiran kumpulan asing yang mengiringi pegawai yang menyerbu, Kumpulan Pengesanan dan Siasatan Jenayah (CIDG) Polis Nasional Filipina (PNP) gagal menghentikan pembunuhan anjing untuk dimakan, kata Pengarah CIDG Samuel Padilao kepada *Inquirer*.

FAKTA NOMBOR

290,000
anjing

dibunuh dan dimakan setiap tahun.

Agensi